



Ruj. Kami : PTGPP/H/2173Jld.35 (30)
Tarikh : 08 Jun 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 07/2020

PENURUNAN KUASA PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA:

1. PENGARAH TANAH DAN GALIAN BAGI PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA; DAN
2. PENTADBIR TANAH DAERAH BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN SECARA ANSURAN CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA

Arahan ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai penurunan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada

- i. Pengarah Tanah dan Galian bagi mempertimbangkan permohonan pengurangan cukai bagi petak atau blok sementara; dan
- ii. Pentadbir Tanah Daerah bagi mempertimbangkan permohonan pembayaran tunggakan secara ansuran cukai bagi petak atau blok sementara

seperti mana yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil. 09/2020 pada 18 Mac 2020 dan disahkan pada 25 Mac 2020.

2. Tatacara permohonan pengurangan cukai bagi petak dan blok sementara adalah seperti di **Lampiran A1**. Semua permohonan pengurangan bayaran cukai bagi petak dan blok sementara hendaklah dibuat sebelum/pada **31 Mac** setiap tahun dengan bayaran sebanyak RM30.00 untuk setiap petak (berdasarkan Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata Negeri Pulau Pinang 1985). Semua permohonan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan seperti di atas hendaklah dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian untuk mendapatkan pertimbangan Pengarah Tanah dan Galian sebelum atau pada **31 Julai 2020**. Hal ini berikutan, aduan yang diterima dari orang awam mengenai kelewatan penerimaan keputusan permohonan pengurangan cukai dan kesukaran untuk menjelaskan bayaran cukai dalam tempoh masa yang terdekat sebelum melangkaui tahun yang dipohon.
3. Had kelulusan Pengarah Tanah dan Galian untuk meluluskan dan menolak sesuatu permohonan pengurangan jumlah cukai tahunan, tunggakan serta tunggakan denda lewat cukai adalah bagi nilai dari RM1.00 sehingga RM200,000 per petak manakala nilai yang bersamaan atau lebih tinggi dari RM200,001 per petak perlu mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang. Perincian had kelulusan diringkaskan seperti di **Jadual 1** berikut:

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH

Jadual 1: Had Kelulusan Permohonan Pengurangan Cukai Bagi Petak Dan Blok Sementara

Jumlah cukai tahunan, tunggakan dan tunggakan denda lewat/petak (RM)	Kelulusan
1.00 - 200,000.00	Pengarah Tanah Dan Galian
200,001.00 dan ke atas	JKTN

4. Tatacara bayaran tunggakan cukai bagi petak atau blok sementara dan cukai tanah secara ansuran adalah seperti di **Lampiran A2**. Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menetapkan amaun bayaran ansuran bulanan dan bilangan ansuran yang dibenarkan adalah mengikut budi bicaranya dan juga mengambil kira kesesuaian pembayar cukai dengan syarat tidak melangkaui tahun semasa permohonan tersebut di buat.

5. Bersama ini dilampirkan potongan Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 09/2020 dan Kertas Pertimbangan berhubung perkara ini untuk perhatian tuan/puan selanjutnya

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(MARLIA BINTI MOHD BELIA)

Timbalan Pengarah Perancangan dan Pembangunan
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

s.k: Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Ummu Umairah binti Azahari)

Penolong Pegawai Tanah Kanan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Muhammad Rushdi bin Said)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nor Amalia binti Mohamad Kassim)

Penolong Pegawai Tanah Kanan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Abdul Halim bin Shamsuddin)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Rosfihan bin Othman)

Penolong Pegawai Tanah Kanan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Marwadi bin Mohd Hussain)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang
(u.p. : Encik Mohd Munir Bin Abdul Rahman)

Penolong Pegawai Tanah Kanan
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang
(u.p. : Encik Mohamad Izwan bin Izham)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nurul Ain Binti Alzafry Mohamed Alnassif)

Penolong Pegawai Tanah Tinggi
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Abdul Hamid bin Jamaludin)

Edaran Dalaman

1. Ketua Unit Khidmat Pengurusan
2. Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan
3. Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal
4. Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik
5. Ketua Unit Hasil
6. Ketua Unit Hakmilik Strata

TATACARA PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK
SEMENTARA

Tatacara ini hendaklah menjadi rujukan kepada pemilik petak dan pihak yang berkepentingan ke atas petak sebelum mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah,, Pulau Pinang.

Permohonan yang telah **lengkap dan sempurna** hendaklah diserahkan kepada Unit Hasil, Pejabat Tanah....., Pulau Pinang **TIDAK LEWAT** dari tarikh **31 Mac** setiap tahun.

PERKARA	TINDAKAN
1. Borang PPST.1	<input type="checkbox"/>
2. Bayaran permohonan (RM30.00 untuk satu petak)	<input type="checkbox"/>
3. Satu salinan hakmilik (Geran/ Geran Mukim/ Pajakan Negeri/ Pajakan Mukim/ Hakmilik Sementara Daftar/ Hakmilik Sementara Mukim).	<input type="checkbox"/>
4. Satu salinan bil cukai petak	<input type="checkbox"/>
5. Dokumen sokongan yang berkaitan	<input type="checkbox"/>

Borang PPST.1/PETAK

BORANG PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI PETAK DAN BLOK SEMENTARA / TUNGGAKAN / DENDA LEWAT

(Permohonan hendaklah dibuat sebelum atau 31 Mac tiap-tiap tahun dan disertakan dengan salinan bil cukai petak bagi tahun semasa dan salinan hakmilik. Permohonan pengembalian wang tidak akan diproses)

Kepada :

Pentadbir Tanah Daerah,, Pulau Pinang.

1. * Saya / Kami memohon pengurangan * cukai petak dan blok sementara semasa / tunggakan cukai petak / tunggakan denda lewat bagi tahun ke atas hakmilik dinyatakan di bawah ini :-

No. Lot	Bandar/Seksyen/ Mukim	Daerah	No Hakmilik Strata	Cukai Tahunan	Nama Pemilik	Bahagian / Syer

2. Permohonan ini dibuat dengan alasan berikut :-
(SILA SERTAKAN SALINAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN BERDASARKAN ALASAN YANG DIBERIKAN)

3. * Saya / Kami mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar.

Tarikh : Tandatangan :

No. Tel (R) : Nama :

(H/P) : Alamat :

.....

.....

(Untuk kegunaan pejabat)

Diterima pada Bil. Permohonan () Hantar ke PTG pada

Bayaran RM30.00 telah dikutip No. Resit

Tandatangan :

**GARISPANDUAN PENGURANGAN CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA DI
NEGERI PULAU PINANG**

Bil	Perkara	Permohonan Pengurangan		
		Cukai Tahunan	Tunggakan Cukai Petak	Tunggakan Denda Lewat
1.	<p>Badan-badan pertubuhan kebajikan seperti rumah ibadat, Pertubuhan Agama, Tanah Perkuburan, dan lain-lain institusi yang tidak berasaskan keuntungan.</p> <p>(Sila lampirkan sijil pendaftaran pertubuhan dan/atau bukti tidak berasaskan keuntungan)</p>	RM1.00 (sehingga semakan akan datang)	100%	100%
2.	<p>Pemilik petak yang menghadapi masalah</p> <p>i. kesihatan kronik/serius dan/atau</p> <p>ii. orang kurang upaya yang hilang punca pendapatan.</p> <p>(Sila lampirkan</p> <p>a. surat pengesahan/ pengakuan daripada doktor yang berdaftar atau/dan</p> <p>b. Kad pengenalan OKU).</p>	25%	25%	25%
3.	<p>Tiada nombor akaun, dan lain-lain tetapi tidak termasuk alamat yang tidak dikemaskini oleh pemilik petak.</p>	Tiada	Tiada	100%
4.	<p>Asas-asas lain yang mempunyai alasan munasabah dan disertakan dengan bukti atau dokumen yang memuaskan.</p>	Tiada	20%	20%

TATACARA BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
SECARA ANSURAN

<u>Langkah Utama</u>	<u>Perhatian</u>	<u>Rujukan</u>
1 PTD menerima permohonan dari pemilik petak/tanah untuk membayar tunggakan cukai secara ansuran	1.1 Kerani diminta serahkan borang surat akuan kepada pemilik tanah/petak/blok sementara yang sedia untuk pembayaran tunggakan cukai tanah/petak/blok sementara secara ansuran. Sila rujuk Lampiran B borang surat akuan.	
	1.2 PTD akan menetapkan amaun bayaran ansuran bulanan dan bilangan ansuran yang dibenarkan mengikut budi bicaranya.	
2 PTD mengeluarkan surat kebenaran.	2.1 Surat akuan bayaran tunggakan ansuran oleh pemohon diterima oleh PTD untuk pertimbangan.	
	2.2 PTD akan mempertimbangkan permohonan bayaran tunggakan secara ansuran tertakluk kepada budi bicara PTD dengan syarat tidak melangkaui tahun semasa.	
	2.3 Surat keputusan diberikan kepada pemohon dan satu salinan kepada kerani Hasil. Sila rujuk Lampiran C surat kelulusan PTD.	
3 Kerani Hasil	3.1 Kerani Hasil menerima salinan surat dari PTD kebenaran bayaran tunggakan secara ansuran dan jumlah yang ditetapkan.	
	3.2 Daftar Tunggakan hendaklah digunakan bagi merekodkan permohonan yang telah diluluskan dan mengawal pungutan-pungutan tunggakannya.	
	3.3 Bagi setiap satu lot sekeping Daftar Tunggakan digunakan. Sila rujuk Lampiran D.	
<u>Kemungkiran membayar ansuran</u>		
4 PTD	4.1 Dalam kes pemilik tanah/petak/blok sementara mungkir menjelaskan bayaran ansuran bulanan, pemilik	

tersebut dikehendaki menjelaskan bayaran ansuran yang tertunggak tersebut bersekali dengan bayaran ansuran bulanan yang telah ditetapkan pada bulan hadapannya.

- 4.2 Sekiranya pemilik tanah/petak/blok sementara terus terhutang hingga 3 bulan tanpa memberi sebab-sebab yang munasabah di atas kelewatan membayar, maka tindakan perampasan perlu diambil.
- 4.3 Kerani Hasil perlu merekodkan kegagalan bayaran oleh pemilik tanah/petak tersebut pada **Lampiran D**.

.....
.....
.....
.....

Tarikh:

Pentadbir Tanah Daerah,

.....
.....
.....
.....

Tuan,

Surat Akuan Memohon Membayar Tunggakan Cukai Secara Ansuran

Dengan hormatnya saya.....

K.P.....beralamat.....

mempunyai tunggakan cukai bagi tanah/petak/blok sementara bagi Lot/PT..... No. Hakmilik/Hakmilik Strata.....Bandar/Seksyen/Mukim.....Daerah.....berjumlah..... yang tidak dijelaskan dalam tempoh.....tahun sehingga sekarang.

2. Dengan ini saya memohon kelulusan tuan untuk membenarkan saya membayar tunggakan cukai tersebut secara ansuran dengan alasan:

.....

.....mengikut jadual seperti berikut:

Bil	Bulan	Perkara	Jumlah (RM)	Catatan
1.				
2.				

3. Sekiranya jadual pembayaran ansuran tidak dipatuhi, maka kelulusan ini akan terbatal dan tindakan perampasan akan diambil.

Sekian,terima kasih.

.....
(Pemohon)

Tarikh:

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PERMOHONAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN CUKAI SECARA ANSURAN.

Merujuk kepada surat tuan/puan bertarikh.....

Sukacita/Dukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk membayar tunggakan cukai secara ansuran bagi tanah/petak/blok sementara Lot/PT..... No. Hakmilik/Hakmilik Strata.....Bandar/Seksyen/Mukim.....Daerah.....
DILULUSKAN/ DITOLAK.

2. Tuan/Puan dikehendaki menjelaskan bayaran seperti berikut:

Sekian,terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....

(Pentadbir Tanah Daerah)

DAFTAR BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN

Nama Tuan Tanah :

No. K.P. :

Alamat :

No.Lot (Hakmilik)	Bandar/ Pekan/ PB/MK.	Cukai Tanah Semasa	Tunggakan Cukai	Jumlah Denda Lewat	Denda Tahun Semasa Selepas 31 Mei	Jumlah Tunggakan (3+4+5+6)	Bil. Surat kebenaran PTD	Jumlah ansuran dijelaskan (9)			Baki yang Belum dijelaskan	Catatan
								Bilangan	Jumlah	Tarikh		
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)				(10)	(11)

**POTONGAN MINIT
MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT-KERAJAAN**

BILANGAN MESYUARAT : 09/2020
PADA : 18 Mac 2020
DISAHKAN : 25 Mac 2020

Kertas Bil. 341/2020

Kertas Permohonan Penurunan Kuasa Pihak Berkuasa Negeri Kepada:

- 1. Pengarah Tanah Dan Galian Bagi Permohonan Pengurangan Cukai Bagi Petak Atau Blok Sementara; Dan**
 - 2. Pentadbir Tanah Daerah Bagi Permohonan Pembayaran Tunggakan Secara Ansuran Cukai Bagi Petak Atau Blok Sementara**
- (PTGPP/(S)/H/2173/10)**

Majlis mengambil maklum Kertas yang tersebut di atas dan bersetuju dengan perakuan-perakuan seperti di perenggan 5 dan **meluluskan** permohonan tersebut.

Majlis menasihatkan dengan sewajarnya.

Tindakan/Perhatian: PTG

08 MAY 2020